

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal bersepadu berkonsepkan *Waste to Energy (WtE)* dan adakah tapak pelupusan sedia ada bersesuaian untuk diubah kepada *WtE*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam proses menyediakan kaedah perolehan bagi pembangunan fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu berkonsepkan *Waste to Energy (WtE)* untuk dilaksanakan secara *Request for Proposal (RfP)*. Kaedah perolehan secara RfP ini dapat menawarkan kepada pihak Kerajaan cadangan yang lebih berdaya saing, pemilihan teknologi yang boleh dipercayai dan terbukti berkesan serta tawaran perkhidmatan yang lebih ekonomi daripada pihak syarikat. KPKT juga telah menetapkan supaya teknologi yang dipilih perlu melalui

Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan dalam memastikan teknologi tersebut sesuai dilaksanakan, selamat dan terbukti berkesan.

2. Pelaksanaan pembangunan fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu berkonsepkan WtE di tapak pelupusan sedia ada adalah bersesuaian memandangkan tapak tersebut telah dilengkapi dengan kemudahan seperti sel pelupusan dan loji rawatan air larut resap. Fasiliti WtE ini juga dapat memastikan semua sisa pepejal yang dijana dirawat terlebih dahulu sebelum dilupuskan ke tapak pelupusan. Perkara ini dapat mengoptimumkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada serta mengurangkan kos pengambilan tanah untuk jangka masa panjang. Sehingga kini, sebanyak 1 tapak pelupusan sedia ada telah dibangunkan sebagai fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu berkonsepkan WtE iaitu Tapak Pelupusan Sanitari (TPS) Bukit Tagar di Selangor yang menghasilkan 10.5MW tenaga elektrik manakala TPS Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan yang sedang dalam proses pembinaan dijangka berupaya menjana tenaga elektrik berkapasiti 20MW sehari. Selain itu, 2 lagi tapak pelupusan dalam proses perancangan untuk dibangunkan sebagai fasiliti berkonsepkan WtE iaitu di Sungai Udang, Melaka dan Bukit Payong, Johor.

Sekian, terima kasih.